

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 11 OGOS 2020

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes kematian Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, seorang anggota bomba yang terkorban ketika menjalankan tugas pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Mahkamah Koroner Shah Alam yang bersidang pada 27 September 2019, telah memutuskan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib bin Mohd Kassim, bukanlah disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah oleh dua (2) orang atau lebih suspek. Berdasarkan keputusan tersebut, PDRM sedang menjalankan siasatan berdasarkan arahan Pejabat Peguam Negara dan mengumpul bukti-bukti yang ada untuk dikemukakan semula kepada pihak pendakwaan.

Kertas siasatan telah dirujuk semula ke Jabatan Peguam Negara pada 23 Julai 2020 dengan cadangan-cadangan seperti berikut:

- i. Menuduh 12 orang suspek di bawah Seksyen 143 Kanun Keseksaan yang merusuh dan menyerang jentera bomba; dan
- ii. Mengadakan inkues semula untuk siasatan lanjut jika dipersetujui oleh Peguam Negara di bawah peruntukan Seksyen 339(2) Kanun Prosedur Jenayah.